

# Dr M tegur sikap puja orang mati

28 MAR 1985

KOTA BHARU, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur segolongan masyarakat Islam di negara ini yang memuja orang mati kerana berkelahi sesama Islam, yang disifatkan sebagai mati syahid.

"Apakah Islam menghendaki kita memuja orang mati dalam sesuatu perkelahian sesama Islam? Mereka ini sebenarnya orang yang sesat," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab ahli Umno menarik mereka ke jalan yang benar, iaitu ajaran Islam sejati dan menyeru golongan itu supaya meninggalkan

cara-cara yang bukan Islam itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap di hadapan kira-kira 10,000 orang yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, dekat sini untuk lawatan dua hari ke Kelantan petang ini.

## Berunding

Ketibaan beliau bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah disambut oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob; Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen; Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah; Timbalan Menteri Besar, Haji Ariffin Said, para pemimpin Umno ne-

geri dan pegawai kanan Kerajaan Negeri serta Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, Umno tidak menolak mereka kerana Umno tidak suka bermusuh-musuhan sesama Islam, dan tidak pernah mendakwa golongan itu bukan Islam.

"Kita masih sanggup berunding secara aman dengan mereka, bahkan kita sanggup bekerjasama dengan mereka, kalau mereka benar-benar berpegang kepada ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri mendedahkan bahawa ada yang mengatakan kononnya kalau orang Islam berjuang sesama Islam, kematiannya adalah mati syahid.